

Sekat aplikasi Sugarbook elak terjebak gejala sosial

Tindakan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKM) menyekat aplikasi Sugarbook baru-baru ini suatu tindakan yang berpatutan dan sangat tepat.

Aplikasi yang membuka ruang untuk anak-anak muda terjerat dalam dunia 'sugar daddy' ini adalah sesuatu yang sangat merunsingkan.

Statistik dikeluarkan berkenaan jumlah pelajar universiti yang menggunakan aplikasi Sugarbook ini yang dipaparkan mengikut universiti adalah pada tahap yang sangat membimbangkan.

Sekiranya dibiarkan tanpa sekatan, anak muda, khususnya akan terhumban ke kancah gejala sosial yang sangat membimbangkan.

Mereka bukan sahaja terjerat ke lembah aktiviti tidak bermoral, tetapi gaya hidup mewah hasil daripada sumber kewangan yang mudah diperolehi akan membawa anak muda ke lembah gejala sosial dan sebagainya.

Ini akan mewujudkan keruntuhan moral dan akhlak dalam kalangan golongan pemuda dan pemudi di negara ini.

Pemuda harapan bangsa dan pemudi tiang negara seharusnya diselamatkan dengan memastikan akses kepada kegiatan ini disekat sepenuhnya oleh pihak berkuasa.

Selaku aktivis sosial, saya ingin berterima kasih kepada pihak berkuasa atas tindakan pantas menyekat dan mengekang aktiviti ini daripada berleluasa.

Walaupun ia sudah disekat, tetapi mes-tilah tetap dipantau selalu supaya kegiatan seperti ini tidak akan muncul semula.

Walaupun kegiatan ini seakan-akan satu jalan pintas untuk anak muda berjaya meraih kekayaan dengan cepat, tetapi implikasinya sangat merunsingkan.

Bukan sahaja boleh merugikan masa depan diri sendiri, tetapi ia menjatuhkan maruah keluarga, dan bangsa.

Justeru, apa juga keadaannya, aktiviti ini harus segera dibanteras supaya tidak mendatangkan musibah terhadap keluarga, masyarakat dan negara.

Tan Sri Lee Lam Thye,
Aktivis Sosial